



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16/6/2021	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

### Perhilitan rampas 3 ekor burung terancam

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor menahan seorang lelaki dan merampas tiga ekor burung daripada spesies yang terancam di rumahnya di Johor Bahru, pada Isnin lalu.

Pengarah Perhilitan Johor, Salman Saaban berkata, anggota penguat kuasa Perhilitan merampas dua ekor burung helang dan seekor burung kakak tua yang merupakan haiwan terancam dalam serbuan pada jam 7.30 malam.

“Operasi tersebut yang dijalankan

ke atas sebuah premis itu berjaya merampas seekor burung Lang Kepala Kelabu, seekor burung Lang Siput dan seekor *Grey Parrot*.

“Pemeriksaan lanjut mendapati lelaki terbabit menyimpan haiwan terancam itu tanpa sebarang dokumen yang sah daripada Jabatan Perhilitan Semenanjung Malaysia,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, suspek berusia 35 tahun itu dibawa ke balai polis dan kes akan disiasat di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).